

قَتِيْن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"RAHMAT Allah turun, kerana negara ini berstatus 'Negara Zikir', dengan umat di dalamnya menjalani kehidupan bertakwa".

- Titah Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Bagi Tahun 2020 pada 28 Jamadilakhir 1441 Hijrah bersamaan 22 Februari 2020 Masihi.



Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي سَبِيْلِ
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"DAN sempurnakanlah janji yang kamu buat (sama ada dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan dipertanggungjawabkan (di Hari Kiamat)."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' : 34.

Waktu Sembahyang

IMSAK 4.40 SUBUH 4.50 SYURUK 6.10 DUHA 6.32 ZUHUR 12.19 ASAR 3.34 MAGHRIB 6.26 ISYAK 7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 51

27 APRIL 2020 / 1441 رمضان 3

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami terlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

COVID-19: Dua kes disahkan sembuh



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) hadir pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Ahad, 26 April. - Tiada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan pada hari ini yang menjadikan jumlah keseluruhan kes jangkitan berkenaan di Negara Brunei Darussalam kekal seramai 138 orang.

Sementara itu, dua kes disahkan sembuh, bermakna jumlah keseluruhan yang sembuh adalah seramai 123 orang. Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Ke muka 3

NBD catat kes sembuh cukup tinggi

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata, Negara Brunei Darussalam (NBD) mempunyai kadar kes pesakit sembuh (*recovered*) yang cukup tinggi, iaitu lebih 90 peratus disahkan sudah sembuh.

Seperti yang dimaklumkan baru-baru ini, pihak Kementerian Kesihatan, jelas Yang Berhormat melaksanakan ujian sebanyak tiga kali dalam jarak jangka masa 24 jam bagi memastikan pesakit adalah negatif dan barulah disahkan sembuh juga dibenarkan pulang ke rumah.

Menjelaskan semasa sesi soal jawab media pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, seterusnya berkata mengenai kes yang sembuh, tetapi didapati positif (*relapse*), setakat ini, berdasarkan daripada negara-negara lain juga, kes-kes tersebut tidak menunjukkan ia boleh berjangkit (*infectious*), justeru memang tidak ada rawatan tertentu bagi kes ini, namun mereka akan tetap dipantau di Pusat Pengasingan Kebangsaan.

Ke muka 4

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



SEMARAKKAN Tadarus Al-Quran bersama keluarga
Muka 5



PLATFORM dalam talian bantu peniaga jualan terbuka
Muka 5



MANFAATKAN bulan Ramadan dengan khusyuk
Muka 11



PUPUK tanggungjawab sivik, sosial kalangan pelajar
Muka 12

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 26 APRIL 2020, 4:00 petang


JUMLAH KES JANGKITAN 138

JUMLAH KEMATIAN 1

JUMLAH KES YANG SEMBUH 123

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148



Doa orang berpuasa sangat ampuh, mustajab



TITAH Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi pada Jumaat, 30 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 24 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

KITA bersyukur, kerana dapat pula memasuki bulan Ramadan yang mulia untuk melakukan

"DALAM bulan Ramadan, biasanya kita orang-orang Islam akan memeriahkan masjid, surau dan balai ibadat dengan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah. Tetapi pada kali ini, sekiranya keadaan belum mengizinkan untuk berkumpul beramai-ramai, maka kita masih saja ada cara lain untuk membuat Tarawih itu bersama-sama dengan keluarga di rumah. Begitu juga bertadarus Al-Quran, kita masih saja dapat membuatnya di rumah kita sendiri dengan keluarga dan anak-anak. Pendeknya, kita tidak kehabisan cara untuk melakukannya bagi meraih pahala di bulan Ramadan. Sangat perlu diingat bahawa seharusnya COVID-19 tidak seharusnya mengganggu umat Islam melakukan ibadat puasa. COVID-19 adalah satu perkara, sedang ibadat puasa pula satu perkara lain. Jika kita dalam keadaan sihat 'afiat, maka tidak ada sebab untuk menjadikan COVID-19 sebagai penghalang kita berpuasa".

ibadat puasa di dalamnya.

Pada Ramadan kali ini, tentu saja berbeza dengan Ramadan-ramadan yang lalu. Perbezaan itu ialah dari segi suasana menghadapinya. Beberapa bulan sebelum Ramadan, kita telah dikejutkan oleh wabak COVID-19, yang membawa kepada ketidakselesaan dan bahkan ketakutan.

Ini bukan saja dirasakan oleh Brunei, malah di mana-mana sahaja di seluruh dunia sama-sama merasakannya. Sehingga untuk beberapa ketika, kita terpaksa menanggung kehadiran

ke masjid, surau dan balai ibadat bagi melakukan Sembahyang Jumaat dan sembahyang berjemaah biasa. Ini kita lakukan adalah sebagai usaha untuk mengelakkan risiko jangkitan COVID-19.

Namun alhamdulillah, dengan izin Allah jua, wabak, nampak-nampaknya dapat kita kawal dengan berkesan. Ini beta percaya, adalah kerana usaha-usaha pencegahan secara bersepadu dan juga faktor doa yang kita amalkan adalah segala-galanya.

Dalam bulan Ramadan, biasanya kita orang-orang Islam akan memeriahkan masjid, surau dan balai ibadat dengan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah. Tetapi pada kali ini, sekiranya keadaan belum mengizinkan untuk berkumpul beramai-ramai, maka kita masih saja ada cara lain untuk membuat Tarawih itu bersama-sama dengan keluarga di rumah. Begitu juga bertadarus Al-Quran, kita masih saja dapat membuatnya di rumah kita sendiri dengan keluarga dan anak-anak.

Pendeknya, kita tidak kehabisan cara untuk melakukannya bagi meraih pahala di bulan Ramadan.

Sangat perlu diingat bahawa seharusnya COVID-19 tidak seharusnya mengganggu umat Islam untuk melakukan ibadat puasa. COVID-19 adalah satu perkara, sedang ibadat puasa pula satu perkara lain. Jika kita dalam keadaan sihat 'afiat, maka tidak ada sebab untuk menjadikan COVID-19 sebagai penghalang kita berpuasa.

Perlu disedari, bahawa Ramadan cuma sekali sahaja dalam setahun. Dalam bulan ini, terdapat satu malam yang dinamakan Malam Al-Qadar yang lebih baik dari seribu bulan, dalam makna, beribadat di dalamnya boleh meraih pahala lebih dari seribu bulan. Kerana itu, eloklah bagi kita semua untuk berazam merebutnya.

Selepas Ramadan, kita akan memasuki bulan Syawal pula, untuk menyambut Hari Raya. Biasanya Hari Raya kita sambut dengan penuh kemeriahan. Tetapi ketentuan Allah telah menjadikannya berbeza pada tahun ini. Sembahyang Hari Raya akan terpaksa ditiadakan dan begitu juga tradisi kunjung-mengunjungi turut ditegah untuk mengelakkan sebarang risiko COVID-19.

Kita wajar bersabar menghadapi situasi ini, dengan menganggap bahawa apa yang berlaku itu mempunyai hikmah di sisi Allah.

Walau bagaimanapun, di samping bersabar, kita juga dituntut untuk berusaha dengan apa jua cara, seperti mengambil langkah-langkah pencegahan dan seumpamanya.

Ke muka 4

Dari Sidang Pengarang.

27 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 رمضان 3

BERSAMA MEMELIHARA KEINDAHAN BUMI DAN ALAM SEKITAR

SETIAP insan di muka bumi ini memainkan peranan penting bagi sama-sama memelihara keindahan alam sekitar dan menghargai bumi. Oleh itu, bersempena dengan Hari Bumi tahun ini yang bertemakan 'Tindakan Iklim' menekankan akan kepentingan tindakan dan perpaduan daripada semua lapisan masyarakat dalam menangani masalah perubahan iklim yang menjadi salah satu isu alam sekitar global yang paling mencabar pada masa ini.

Negara Brunei Darussalam (NBD) hanya menyumbang sekitar 0.025 peratus daripada pelepasan gas rumah hijau dan masih memiliki satu sinki karbon yang paling tinggi dengan 72 peratus liputan hutan. Walaupun NBD antara penyumbang pemanasan global terendah di peringkat global, namun negara kita tidak terlepas daripada terkesan oleh impak perubahan iklim seperti hujan lebat, banjir, gelombang panas dan kebakaran hutan.

Justeru itu, kesan-kesan tersebut turut menjejaskan kesejahteraan penduduk, landskap, habitat liar dan kehidupan seharian secara amnya. Sementara suhu purata NBD menunjukkan peningkatan 0.25 darjah celsius setiap dekad dengan jumlah hujan meningkat pada kadar 100mm setiap dekad.



Perkara tersebut antara lain dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dalam Perutusan bersempena Hari Bumi Ke-50 yang diraikan pada 22 April 2020 di seluruh dunia baru-baru ini.

Sehubungan itu, bagi menangani impak perubahan iklim tersebut, NBD memperkukuhkan urus tadbir perubahan iklim untuk memastikan tindakan iklim ditangani secara strategik dengan pendekatan Whole-of-Nation di peringkat kebangsaan melalui Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD dan penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim dan tiga kumpulan kerja mengenai Mitigasi Perubahan Iklim, Adaptasi dan Daya Tahan Perubahan Iklim, dan Kerangka Sokongan Perubahan Iklim.

Dengan adanya urus tadbir tersebut, ia bertujuan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau NBD dan juga bagi meningkatkan keupayaan NBD dalam menghadapi kesan-kesan perubahan iklim melalui strategi-strategi pengawalan pelepasan fugitive industri, liputan hutan, kenderaan lestari, tenaga boleh diperbaharui, pengurusan tenaga lestari, pengurusan sampah dan kedayatanganan dan adaptasi perubahan iklim.

Oleh itu, kita selaku masyarakat di NBD hendaklah bersatu padu dalam menjalankan peranan kita bagi memelihara bumi, terutama alam sekitar yang indah yang terdapat di negara kita. Bagi membantu pihak kerajaan melaksanakan 'Tindakan Iklim' tersebut, orang ramai hendaklah menggunakan elektrik dan air secara berhemah, beralih kepada penggunaan lampu LED, mengurangkan pembuangan sampah di rumah, mengamalkan kompos sampah hijau, menggunakan semula barangan terpakai, dan meningkatkan pengetahuan akan kepentingan kesedaran mengenai perubahan iklim.

Akhirnya, sama-samalah kita memainkan peranan menghargai bumi dan memupuk rasa bertanggungjawab memelihara alam sekitar. Di samping itu, menyahut seruan pihak kerajaan untuk bersama melaksanakan 'Tindakan Iklim' seperti yang telah dijelaskan, agar bumi dan alam sekitar yang indah ini akan dapat dinikmati oleh generasi akan datang. - Ketua Penyuntingan (Rd)

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
BANDAR SERI BEGAWAN			
33 25 °C	33 25 °C	32 26 °C	
PEKAN BANGAR			
33 25 °C	32 26 °C	32 25 °C	
PEKAN TUTONG			
33 25 °C	33 26 °C	33 26 °C	
KUALA BELAIT			
33 26 °C	33 25 °C	33 26 °C	

Wallohualam Blesawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mnc.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi APRIL	HARI	Hijrah RAMADAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
27	ISNIN	3	4.40	4.50	6.10	6.32	12.19	3.34	6.26	7.38
28	SELASA	4	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
29	RABU	5	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	KHAMIS	6	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 MEI	JUMAAT	7	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38
2	SABTU	8	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
3	AHAD	9	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC 2380214

COVID-19 : Dua kes disahkan sembuh

Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan (PPK) pada ketika ini adalah 14 kes.

"Daripada jumlah tersebut, dua daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjelaskan, seramai 119 orang sedang menjalani kuarantin pada hari ini menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin adalah seramai 2,445 orang.

"Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 95 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 12,981 ujian,"

kata Yang Berhormat lagi.

Mengenai dengan kes yang sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan Yang Berhormat menambah, tiada kes sedemikian disahkan positif semula.

"Dua kes telah dibenarkan pulang pada hari ini. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai 21 orang, di mana lapan orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut," jelas Yang Berhormat.

Menjawab soalan yang diajukan daripada pihak media mengenai PPK baharu yang siap dibina, Yang Berhormat menjelaskan bahawa kesemua kes setakat ini yang disahkan positif COVID-19 masih dirawat di pusat pengasingan yang lama.

"Bangunan baharu itu perlu dibersihkan terlebih dahulu bagi memastikan ia selamat untuk digunakan," kata Yang Berhormat.

Sementara itu, Yang Berhormat memberitahu, pihak kementerian



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media tersebut.

pada masa ini belum membuat perancangan untuk mengembalikan perkhidmatan rawatan kesihatan di Pusat Kesihatan Berakas atau Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, yang mana kedua-duanya masih dijadikan klinik, khusus bagi menangani kes-kes flu sahaja.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dapatkan maklumat terkini

Orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn bagi mengetahui maklumat lanjut dan perkembangan terkini bagi Jangkitan COVID-19 di negara ini.

Dua masih kritikal

Daripada jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini, dua daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (Extra Corporeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

NBD catat kes sembuh lebih 90 peratus

Negara Brunei Darussalam mempunyai kadar kes pesakit sembuh (*recovered*) yang cukup tinggi, iaitu lebih 90 peratus disahkan sudah sembuh.

Seperti yang dimaklumkan baru-baru ini, pihak Kementerian Kesihatan melaksanakan ujian sebanyak tiga kali dalam jarak jangka masa 24 jam bagi memastikan pesakit adalah negatif dan barulah disahkan sembuh juga dibenarkan pulang ke rumah.

119 orang masih menjalani kuarantin

Setakat 26 April 2020, seramai 119 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dan jumlah keseluruhan bagi mereka yang menamatkan kuarantin ialah seramai 2,445 orang.

Sementara itu, sebanyak 95 sampel diuji bagi virus SARS-Cov-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal sebanyak 12,981 ujian sejak Januari 2020.

Tunaikan Sembahyang Sunat Tarawih bersama keluarga

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam menjalani ibadah puasa sedikit berbeza dari tahun-tahun sebelumnya, susulan negara kita berdepan dengan penularan jangkitan wabak COVID-19, akan tetapi ia bukan alasan untuk kita mengurangkan amal ibadah pada bulan yang penuh keberkatan ini, bahkan kita perlu mempertingkatkan amal ibadah dan mengukuhkan lagi keimanan kita kepada-Nya.

Justeru, Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah yang lazimnya dilaksanakan dengan pimpinan imam di balai-balai ibadat, surau-surau dan masjid-masjid kali ini diadakan di rumah sahaja memandangkan kesemuanya ditutup sementara bagi mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

COVID-19 : Jualan juadah berbuka puasa melalui dalam talian

Suasana Ramadan pada tahun ini sangat berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya apabila kebanyakan peniaga mula beralih kepada kaedah jualan secara dalam talian (*online*) sepanjang bulan Ramadan kali ini bagi sama-sama membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 yang melanda di negara ini.

Jualan secara *online* turut menyediakan pelbagai jenis juadah makanan dan minuman yang terkenal dan antara yang menarik adalah jualan juadah sebagaimana yang didapati di gerai Ramadan.



كمنترين كواشن دان ايكونومي
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

PEMBAYARAN PENCEN PERKHIDMATAN/PENCEN TURUNAN (BALU DAN TANGGUNGAN) SECARA PANDU LALU (DRIVE-THRU)

TEMPAT

BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)

BAGI DAERAH TUTONG
DEWAN KEMASYARAKATAN TUTONG

BAGI DAERAH BELAIT
DEWAN PERSIDANGAN KUALA BELAIT

PERINGATAN:

- SILA BAWA KAD PENGENALAN ASAL

BAGI YANG BERWAKIL:

- BORANG SURAT WAKIL YANG LENGKAP
- KAD PENGENALAN ASAL YANG BERWAKILKAN
- KAD PENGENALAN ASAL YANG DIWAKILKAN



PADA: 28, 29 & 30 APRIL 2020

JAM: 7.30 PAGI - 1.00 PETANG

www.mofe.gov.bn
+673 2383444



@mofebrunei

COVID-19 : Tiada kes baharu, 16 kes masih dirawat



YANG Berhormat Menteri Kesehatan (kiri) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesehatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 April. - Negara Brunei Darussalam terus mencatatkan tiada kes baharu jangkitan COVID-19, dengan jumlah keseluruhan kes COVID-19 kekal seramai 138 orang.

Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesehatan, berkata satu kes disahkan sembuh daripada COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan

yang sembuh menjadi 121 orang.

Menurutnya, ini menjadikan jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini menjadi 16 kes. Daripada jumlah tersebut, dua daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Pada hari ini juga, jelas Yang Berhormat, seramai 131 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,433 orang.

"Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 116 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 12,886 ujian," jelas Menteri Kesehatan.

Mengenai dengan kes yang sembuh, tetapi didapati positif

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

semasa pemeriksaan susulan tambah Yang Berhormat, Kementerian Kesehatan ingin memaklumkan bahawa tidak ada kes disahkan positif semula. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai 21 orang, di mana 10 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

Pada mengakhiri kenyataannya, Yang Berhormat turut

menzahirkan ucapan selamat menunaikan ibadah puasa dan berdoa agar kita semua dirahmati di bulan Ramadan yang mulia ini.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesehatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesehatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

NBD catat kes sembuh cukup tinggi

Dari muka 1

Walau bagaimanapun, tambahnya, jika mempunyai simptom-simptom, maka mereka akan dirawat mengikut simptom berkenaan, namun tidak akan diberikan ubat *anti-virus* memandangkan ia adalah *non-infectious*.


Mengenai persoalan jika pihak Kementerian Kesehatan ada membuat perancangan untuk menambah tempoh pengasingan

diri bagi mereka yang tiba ke negara ini sebagai langkah ketat pencegahan COVID-19, Yang Berhormat berkata, buat masa ini, tidak ada keperluan untuk menambah tempoh tersebut lebih daripada 14 hari, seperti yang dilaksanakan ketika ini.


"Alhamdulillah, buat masa ini, kita masih lagi melaksanakan perintah isolasi 14 hari bagi sesiapa jua yang masuk ke Negara Brunei Darussalam. 14 hari itu dilihat masih dapat mengawal keadaan, jadi tidak ada keperluan buat masa

ini untuk menambah lebih dari 14 hari setakat ini," jelas Menteri Kesehatan.

Merujuk kepada sumbangan orang ramai bagi menderma darah, Yang Berhormat menyarankan agar mereka yang ingin menderma darah untuk menghubungi Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) terlebih dahulu bagi membuat perjanjian awal bagi memastikan tidak ada perkumpulan yang ramai dalam satu masa.



Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19



Patuhi pengambilan ubat abiskita seperti yang diarahkan

Pastikan bekalan ubat abiskita mencukupi

Sila hubungi klinik penyakit kronik abiskita bagi sebarang perubahan sesi perjanjian

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Talian Nasihat Kesehatan 148

HASRAT NEGARA

Doa orang berpuasa sangat ampuh, mustajab

Dari muka 2

Namun selaku orang Islam, kita juga mempunyai kelebihan tersendiri, iaitu digalakkan untuk menghadapi apa saja bencana, dengan doa. Maka marilah kita lakukan ia, lebih-lebih lagi, kebetulan pula dalam bulan Ramadan yang penuh berkat ini, di mana doa orang-orang berpuasa adalah sangat ampuh dan mustajab. Menyebut tentang kelebihan doa ini, beta teringat kepada doa dalam Qunut Nazilah yang dibaca pada hari Jumaat dalam Sembahyang Jumaat. Hingga sekarang, sudah beberapa Jumaat

kita tidak dapat menunaikan Fardu Jumaat, dalam makna, dengan sendirinya Qunut Nazilah tidak dapat dibaca.

Pada hemat beta, Qunut Nazilah masih saja perlu diteruskan, terutama dalam situasi kita menghadapi wabak COVID-19. Beta difahamkan, Qunut Nazilah tidak semestinya hanya dilakukan di masjid secara berjemaah pada hari Jumaat, malah ia juga boleh dibuat di rumah, sama ada secara berjemaah dengan keluarga atau bersendirian di dalam sembahyang-sembahyang fardu lima waktu. Tetapi masih juga boleh dipilih mana waktu yang kita mampu atau sesuai melakukannya, seperti

dalam Sembahyang Subuh atau Maghrib, tanpa memestikan ia dibuat dalam kesemua lima-lima waktu. Yang penting, Qunut ini terus dibaca, sementara menunggu masjid, surau dan balai ibadat beroperasi semula.

Bagi kemudahan orang ramai melakukan semua ini, maka kenalah pihak yang berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Agama mengambil inisiatif menyediakan panduan dan Doa Qunut yang bersesuaian. Seeloknya ringkas dan mudah tetapi padat menepati tujuan.

Sehubungan ini pula, beta berpendapat, bukan sahaja kita di Brunei, malah umat

Islam di seluruh dunia adalah sangat wajar untuk sama-sama mengambil kesempatan di bulan yang bersukut istimewa ini untuk merafakkan doa banyak-banyak supaya dunia kita cepat bebas daripada bahaya wabak COVID-19.

Akhirnya, beta dan keluarga beta, dengan hati suci, mengucapkan selamat berpuasa. Semoga kita sama-sama dikurniakan oleh Allah kesehatan dan kesabaran di sepanjang menjalani ibadah puasa. Ramadan Kareem.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Semarakkan Tadarus Al-Quran bersama keluarga



AWANG Hassan Baha bin Haji Umar serta keluarga beliau juga tidak ketinggalan untuk mengaut pahala dengan mempraktikkan kepada keluarga dengan amalan seperti Tadarus Al-Quran pada bulan Ramadan ini.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Awang Hassan Baha Haji Umar, Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain menyarankan bahawa Tadarus Al-Quran dapat kita praktikkan di rumah bersama keluarga dan anak masing-masing, lebih-lebih lagi situasi sekarang, dalam kita mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini.

"Kita tidak kehabisan cara untuk melakukannya bagi meraih pahala

pada bulan Ramadan," jelas baginda dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi baru-baru ini.

Inti pati titah baginda yang murni itu dapat kita simpulkan bahawa meskipun kita pada masa sekarang terpaksa menangguk untuk beribadah di Rumah Allah, namun pahala itu boleh saja kita raih bersama keluarga di rumah dengan melakukan amalan-amalan dan kewajipan kita selaku seorang Muslim.

Di dalam dua hari kita melakukan ibadah puasa hari ini yang sememangnya kita isi dengan segala perkara kebajikan seperti



HAJI Rosman bin Haji Metussin dan isteri, Hajah Rokiah binti Haji Saidin dari Kampung Bengkurong tidak lupa mengadakan Tadarus Al-Quran bersama anak-anak, menantu dan cucu-cucu setiap menjelang Ramadan.

solat, zikir, berdo'a dan sebagainya dan inilah masanya untuk kita sama-sama mendidik kaum keluarga kita dengan masa yang banyak terluang bersama di rumah.

Dari satu sudut yang lain, kita dapat rumuskan bahawa ketua keluarga yang berperanan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin dalam membentuk sebuah Keluarga Sakinah, meskipun sebahagian kita ada merasa kekok atau janggal pertama kali untuk melakukannya.

Alhamdulillah, di negara kita pelbagai pihak prihatin dengan melaksanakan kaedah dalam membantu dan memudahkan pembelajaran melalui penyediaan buku panduan dan khidmat sebagai rujukan bagi sebarang kemusykilan.

Awang Hassan Baha bin Haji

Umar dari Kampung Belimbing, Jalan Subok ketika ditemu bual melahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan izin-Nya jua pada tahun ini, kita menyambut bulan Ramadan dengan suasana negara kita yang aman dan sejahtera berkat kepimpinan raja yang adil lagi bijaksana yang sentiasa berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah sebagai asas kepimpinan baginda.

Di seluruh negara ketika ini, jelasnya, demi mengekang penularan pandemik COVID-19, amalan yang menjadi kebiasaan masyarakat adalah termasuk majlis berbuka puasa, Sembahyang Tarawih Berjemaah, Tadarus Al-Quran dan bersahur di semua masjid, surau dan balai ibadat terpaksa ditiadakan.

"Walau bagaimanapun, kita tidak seharusnya melihat kedatangan Ramadan kali ini suram,

sebaliknya berlapang dada dengan ujian menimpa dan berusaha memakmurkan rumah masing-masing. Banyak amalan boleh dihidupkan sepanjang Ramadan ini, meskipun berada di rumah. Antara amalan yang boleh dihidupkan di rumah ialah Tadarus Al-Quran bersama keluarga, walaupun ada kemungkinan tidak sempat khatam.

"Amalan ini akan memberikan kesempatan kepada ibu bapa mengajar dan memantau bacaan Al-Quran anak-anak dan sekali gus mendidik anak dengan akhlak baik dan mengajarkan mereka untuk cinta kepada ibadah," tambahnya.

Demikian juga dengan Awang Haji Rosman bin Haji Metussin dan isterinya, Hajah Rokiah binti Haji Saidin dari Kampung Bengkurong yang saban tahun tidak lupa untuk mengambil kesempatan mengadakan Tadarus Al-Quran bersama anak-anak dan menantu serta cucu-cucu mereka setiap menjelang Ramadan.

Mereka mengambil saat Ramadan ini lebih mengukuhkan ukhawah talian sesama keluarga dalam berkumpul bersengkai bersama, Sembahyang Tarawih serta tadarus yang sudah mereka jadikan aktiviti mereka.

Selain itu, dengan adanya aktiviti seumpama ini, sekali gus dapat melatih anak-anak muda bahawa ikatan kekeluargaan bertambah erat dan yang utama adalah untuk sama-sama mengajak ke arah kebajikan demi mengharapkan keredaan dan kurniaan ganjaran pahala pada bulan mubarak yang penuh kerahmatan ini.

Platform dalam talian bantu peniaga jual juadah berbuka



PELBAGAI jenis juadah berbuka boleh didapati melalui online termasuk jualan kuih muih Brunei Syarikat Hana Aisah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 April. - Kedatangan bulan Ramadan yang disambut oleh seluruh umat Islam pada kali ini sememangnya berbeza bagi para peniaga yang sering berniaga di gerai-gerai Ramadan pada tahun-tahun lalu.

Suasana Ramadan pada tahun ini sangat berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya apabila kebanyakan peniaga mula beralih kepada kaedah jualan secara dalam talian (*online*) sepanjang bulan Ramadan kali ini bagi sama-sama membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 yang melanda di negara ini.

Jualan secara *online* turut menyediakan pelbagai jenis juadah makanan dan minuman yang terkenal dan antara yang menarik adalah jualan juadah sebagaimana

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ihsan Syarikat Hana Aisah dan Uncle J's Grill

yang didapati di gerai Ramadan.

Menurut Pengasas Uncle J's Grill, Awang Azizi Fakhri bin Noor Azalie bahawa kaedah *online* sebenarnya memudahkan lagi penjual dan pembeli untuk berkomunikasi tanpa perlu hadir secara fizikal, contohnya melalui aplikasi WhatsApp dan Laman Sesawang seperti *communityforbrunei.com*.

Di samping itu jelasnya bahawa ia juga memudahkan untuk membuat pembayaran antara penjual dan pembeli (*cashless payment*).

"Kita sekarang berada dalam era 4.0 di mana teknologi adalah menjadi satu keperluan (*need*), bukan lagi suatu kemahuan (*want*). Jadi perlunya untuk kita, khususnya para usahawan untuk menggunakan platform *online* sebagai wadah / cara untuk meningkatkan cara berniaga dari *offline* ke *online*," ujarnya.

Beliau juga berkata bahawa dengan adanya sokongan berterusan dari kerajaan mahupun organisasi bergandeng bahu bagi mewujudkan laman sesawang mahupun aplikasi e-Shopping / e-Commerce yang mudah dimuat turun dan diguna-pakai oleh para usahawan akan dapat mengembang majukan lagi kaedah dalam talian.

"Cara-cara untuk mendaftarkan diri sebagai *online vendor* juga harus senang dan mudah bagi memastikan platform *online* ini dapat berkekalan dan konsisten,"

tambahnya.

Dengan beradanya kita dalam era 4.0 ini jelasnya, cara berkomunikasi yang konvensional di antara satu dengan yang lain mengalami perubahan yang sangat ketara. Begitu juga dengan para usahawan dan pengguna.

Justeru, beliau menyarankan kepada orang ramai agar mengorak langkah pertama untuk membuat pembelian dalam talian ini sebagai satu cara yang sama-sama memudahkan bagi para usahawan dan dalam masa yang sama, juga pengguna.

Sementara itu, Syarikat Hana Aisah yang terkenal dengan jualan kuih-muih Brunei juga mendapat sambutan baik melalui jualan *online* mahupun di luar *online*.

Selaku pengendali syarikat berkenaan, Dayang Siti Aisah binti Abdullah berpendapat bahawa kaedah jualan *online* sangat berguna di samping menjual kuih-muih Brunei seperti kelupis, pulut panggang dan sebagainya secara *online* dapat mempromosikannya lagi kepada orang ramai.

Selain turut bergiat aktif dalam 'Community for Ramadan', Konsortium Muallafpreneurs, Kedai Al Qudwah adalah platform awal bagi memulakan jaluannya di mana melalui platform tersebut dapat menguruskan dan mengetengahkan produk beliau di khalayak ramai melalui media sosial seperti Instagram dan Facebook.

Puasa bukan menghalang kegiatan fizikal

Oleh : Nooratini Haji Abas

BERAKAS, Ahad, 26 April. - Umat Islam setentunya menyambut bulan Ramadan ini dengan penuh rasa syukur dan gembira kerana berpeluang melipatgandakan amal ibadat dan bulan yang dijanjikan pahala berlipat kali ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Namun, Ramadan yang penuh keberkatan ini tidak pernah menghalang umat-Nya untuk melakukan aktiviti fizikal di dalam rumah mahupun di luar kawasan rumah.

Beliau juga bukan sebagai alasan kita untuk tidak bersukan dan melakukan apa jua aktiviti fizikal kerana kita boleh melakukan pelbagai cara untuk bersenam.

Aktiviti fizikal termasuklah bersenam, berjalan kaki, berjoging, berbasikal dan berkebun yang dilakukan pada sebelah petang semasa pendekatan diadakan di beberapa buah tempat di negara ini masih dijalankan seperti biasa.

Bersenam pada bulan puasa bukanlah semudah bulan-bulan yang lain kerana kita memerlukan strategi, teknik latihan dan tahap kesukaran sukan berkenaan yang

perlu disesuaikan, agar ia mendatangkan kelebihan dan bukannya kemudaratan.

Ada yang lebih suka melakukan aktiviti senaman ini selepas subuh, pada sebelah petang iaitu sebelum berbuka puasa dan selepas Sembahyang Tarawih untuk mengeluarkan peluh selama 30 minit sehari.

Mereka juga boleh melakukan aktiviti senaman ringan di kawasan rumah seperti pemanasan badan (*stretching*), melakukan *sit-up*, *push-up* dan sebagainya sementara menunggu waktu sungkai.

Bagi yang mempunyai masalah kesihatan seperti tekanan darah tinggi, kencing manis atau jantung, perlulah mendapatkan nasihat doktor atau ahli fisioterapi terlebih dahulu sebelum melakukan senaman atau bersukan, terutamanya semasa berpuasa.

Dalam kita bersenam, Kementerian Kesihatan turut menyarankan agar kita terus mengambil langkah berjaga-jaga terhadap wabak COVID-19 serta mengambil nasihat kesihatan yang boleh dilakukan sepanjang bulan Ramadan ini bagi menjaga dan menguatkan daya tahan kesihatan tubuh badan.

Peluang beribadah bersama keluarga

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 26 April. - Seluruh umat Islam di negara ini memulakan ibadah puasa bulan Ramadan tahun 1441 Hijrah pada 25 April 2020 Masihi.

Walau bagaimanapun pada tahun ini, suasana berpuasa pada bulan Ramadan amat berbeza sedikit susulan negara kita berdepan dengan pandemik jangkitan wabak COVID-19, akan tetapi ia bukan alasan untuk kita mengurangkan amal ibadah pada bulan yang penuh keberkatan ini, bahkan kita perlu mempertingkatkan amal ibadah dan mengukuhkan lagi keimanan kita kepada-Nya.

Justeru, Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah yang lazimnya dilaksanakan dengan pimpinan imam di balai-balai ibadat, surau-surau dan masjid-masjid kali ini diadakan di rumah sahaja memandangkan kesemuanya ditutup sementara bagi mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman semasa ditemu bual melalui aplikasi Whatsapp menjelaskan bahawa bulan Ramadan pada tahun ini sangat berbeza daripada bulan Ramadan tahun-tahun yang lalu kerana pada tahun ini seluruh dunia termasuk negara kita, Negara Brunei Darussalam sedang dilanda jangkitan wabak COVID-19 yang sangat berbahaya sehingga sedikit sebanyak mengubah cara hidup seharian kita, termasuk dalam aspek ibadah.

Jelasnya lagi, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara ini terpaksa ditutup sementara bagi mengawal penularan wabak ini. Dengan penutupan sementara ini bukan menjadi alasan untuk umat Islam di negara ini meninggalkan Solat Tarawih dan Witir Berjemaah.

Umat Islam katanya, masih boleh melakukan Solat Tarawih dan Witir di rumah masing-masing bersama keluarga selaras dengan kehendak peraturan yang

dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

"Inilah peluang berharga bagi seorang bapa menjadi imam kepada isteri dan anak-anak. Mungkin bagi seorang bapa yang tidak terbiasa menjadi imam di rumah kerana selalu solat di masjid sebelum ini, pada awalnya akan merasa kekok. InsyaaAllah, setelah beberapa hari perkara ini akan terbiasa dan mudah," terangnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda yang bermaksud, "Apabila seseorang hamba itu sakit atau bermusafir, akan ditulis buat dirinya ganjaran sama seperti yang diamalkannya semasa bermukim atau sihat." (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari).

Apa yang kita dapat ambil pengajaran dari hadis di atas dan mengaitkan dengan apa yang berlaku sekarang ialah dalam suasana ketakutan menghadapi wabak ini sehingga menghalang kita mengerjakan solat di masjid seperti lazimnya, kita akan mendapat pahala yang sama semasa dalam keadaan sebelum wabak ini melanda. Ini merupakan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat ini.

"Alhamdulillah, KHEU melalui PDI telah mengedarkan secara percuma buku panduan Solat Tarawih dan Witir serta surah-surah, wirid-wirid dan doa berbentuk PDF melalui aplikasi Whatsapp bagi memudahkan orang awam mengikutinya. Begitu juga, Jabatan Percetakan Kerajaan menjual buku panduan Solat Tarawih dan Witir dengan harga yang berpatutan," ujarnya.

Mengenai amalan Tadarus Al-Quran yang dibuat di masjid-masjid, jelasnya bahawa kita masih boleh membuatnya di rumah-rumah atau dengan menggunakan teknologi baharu



PEGAWAI Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman (kiri) dan Pegawai Hal Ehwal Masjid Jame' Asr' Hassanil Bolkihah, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah (kanan).

secara dalam talian (*online*) bertadarus bersama-sama dengan jemaah-jemaah lain di rumah masing-masing.

Menurutnya, perkara ini sudah dipraktikkan sebelum Ramadan lagi oleh sebahagian masjid-masjid di negara ini dan itu adalah satu inisiatif yang sangat terpuji. Tambahnya, kebiasaan kita pada bulan Ramadan ini juga ialah memperbanyakkan sedekah dengan memberi makan untuk berbuka puasa (bersengkai) di masjid-masjid dan di tempat-tempat lain.

Namun katanya, disebabkan penularan jangkitan wabak COVID-19 ini akan mengubah cara kebiasaan kita ini. "Walau bagaimanapun, saya lihat ada pihak-pihak NGO di negara ini mengambil inisiatif dengan memberi peluang kepada masyarakat untuk menghulurkan sumbangan bagi membantu orang-orang yang memerlukan. Selain itu, sumbangan boleh juga dihulurkan melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan *e-banking* yang disediakan oleh pihak-pihak berkenaan bagi memudahkan orang awam



bersedekah," jelasnya.

"Secara kesimpulannya, wabak COVID-19 ini tidak akan mengurangkan ibadah kita pada bulan Ramadan pada tahun ini, bahkan kita lebih bersemangat meningkatkan ibadah dan amalan kerana berharap Allah Subhanahu Wata'ala akan melenyapkan wabak ini dari negara kita dan seluruh dunia," tambahnya.

Manakala bagi Pegawai Hal Ehwal Masjid Jame' Asr' Hassanil Bolkihah, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah berpendapat bahawa menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih di rumah semasa penularan jangkitan wabak COVID-19 ini memperlihatkan peranan ketua keluarga yang bertanggungjawab mendidik ahli keluarganya sembahyang berjemaah, di samping mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan dengan sembahyang berjemaah.

"Inilah masanya peluang ketua keluarga menonjolkan dirinya kepada keluarga di bawah tanggungannya untuk berperanan sebagai imam dan menjadi ikutan kepada anak-anak," ujarnya.

Waktu operasi Talian Harapan 145 dikemas kini

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai perubahan waktu operasi bagi perkhidmatan Talian Harapan 145 semasa bulan Ramadan yang dikemas kini, bermula 25 April 2020, iaitu dari 8.00 pagi hingga 5.30 petang dan 7.30 malam hingga 10.00 malam (setiap hari).

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan waktu operasi tersebut. Untuk maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.



Oleh : Sastra Sarini Haji Julaini

MARHABAN Ya Ramadan! Alhamdulillah, rasa syukur kerana diizinkan untuk bertemu bulan Ramadan yang mulia ini, bulan yang penuh keberkatan dan yang baik dari seribu bulan.

Namun apa yang ketara, Ramadan pada kali ini amat berbeza jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya dan ini adalah kesan dari wabak COVID-19. Masyarakat umum sudah mengetahui mengenai COVID-19, di mana bukan sahaja di negara ini, malahan hampir seluruh negara-negara di dunia juga menghadapi wabak ini yang banyak memberi kesan kepada kehidupan seharian.

Bagaimanapun, COVID-19 tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk mengurangkan ibadah, lebih-lebih lagi di bulan yang penuh keberkatan ini. Ini adalah kerana COVID-19 dan ibadah adalah perkara berbeza. Jika kita mempunyai kesihatan yang baik, maka tidak ada sebab untuk menjadikan COVID-19 sebagai penghalang untuk berpuasa.

Banyakkan berdoa, rebut peluang raih pahala di bulan Ramadan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan 1441 Hijrah / 2020 Masihi mengingatkan bahawa COVID-19 tidak seharusnya mengganggu umat Islam untuk melakukan ibadat puasa.

Baginda juga bertitah, perlu disedari bahawa Ramadan cuma sekali sahaja setahun dan di dalam bulan ini terdapat satu malam yang dinamakan Malam Al-Qadar yang lebih baik dari seribu bulan, dalam makna, beribadat di dalamnya boleh meraih pahala lebih dari seribu bulan. Maka eloklah kita berazam merebutnya.

Terdahulu, baginda bertitah bahawa dalam bulan Ramadan biasanya kita orang-orang Islam akan memeriahkan masjid surau dan balai ibadat dengan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah. Bagaimanapun pada kali ni, sekiranya keadaan belum mengizinkan untuk berkumpul beramai-ramai, maka kita masih saja ada cara lain untuk membuat Tarawih iaitu bersama-sama keluarga di rumah. Bertadarus Al-Quran juga masih boleh dilaksanakan di rumah dengan keluarga dan anak-anak.

Selepas Ramadan, bulan Syawal akan tiba di mana Hari Raya akan disambut dengan penuh kemeriahan. Tetapi, baginda bertitah, ketentuan Allah telah

menjadikannya berbeza pada tahun ini. Sembahyang Hari Raya akan terpaksa ditiadakan dan begitu juga tradisi kunjung mengunjungi turut ditekang untuk mengelakkan sebarang risiko COVID-19.

Justeru kita wajar bersabar menghadapi situasi ini, dengan menganggap bahawa apa yang berlaku itu mempunyai hikmah disisi Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping bersabar, titah baginda, kita juga dituntut untuk berusaha dengan apa jua cara, seperti mengambil langkah-langkah pencegahan dan seumpamanya.

Baginda juga bertitah selaku orang Islam, kita juga mempunyai kelebihan tersendiri iaitu digalakkan untuk menghadapi apa saja bencana dengan doa. Maka baginda menyeru agar kita lakukan doa, lebih-lebih lagi kebetulan dalam bulan Ramadan, di mana doa orang-orang berpuasa adalah sangat ampuh dan mustajab.

Berkata mengenai Qunut Nazilah, di mana sudah beberapa Jumaat kita tidak dapat menunaikan Fardu Jumaat, dalam makna, dengan sendirinya Qunut Nazilah tidak dapat dibaca. Baginda menekankan Qunut Nazilah perlu terus dibacakan. Baginda difahamkan Qunut Nazilah tidak semestinya hanya dilakukan di masjid secara berjemaah pada Hari Jumaat, malah ia juga boleh dibuat di rumah, sama ada secara berjemaah dengan keluarga atau

bersendiri di dalam sembahyang-sembahyang fardu lima waktu. Ia juga masih boleh dipilih waktu sesuai untuk dilakukan seperti sembahyang Subuh atau Maghrib, tanpa memestikan ia dibuat dalam kesemua lima-lima waktu. Apa yang penting Qunut Nazilah terus dibaca. Justeru pihak yang berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama kenalah mengambil inisiatif menyediakan panduan dan Doa Qunut yang bersesuaian. Seeloknya ringkas dan mudah tetapi padat menepati tujuan.

Kesimpulan dari titah perutusan baginda tersebut, masih terdapat pelbagai cara untuk meraih pahala di bulan Ramadan ini walaupun negara menghadapi dugaan dari wabak COVID-19. Jika kita sihat, maka jangan jadikan COVID-19 sebagai penghalang untuk berpuasa. Walaupun masjid, surau dan balai ibadat pada masa ini ditutup sebagai salah satu langkah membendung penularan wabak ini, kita masa saja boleh melaksanakan Sembahyang Tarawih, bertadarus di rumah bersama ahli keluarga.

Di samping itu, banyakkan berdoa, terutama apabila kita berada di bulan Ramadan, di mana doa adalah sangat ampuh dan mustajab. Bacaan Qunut Nazilah juga perlu diteruskan dan boleh diamalkan pada mana-mana sembahyang fardu lima waktu, mengikut kesesuaian dan kemampuan.



JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

QUOTATION NO. :
RTB / K / 33 / 20-21

SUPPLY & DELIVERY OF
PORTABLE HARD
DISK DRIVES

Bayaran e-dokumen sebut harga :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

QUOTATION NO. :
RTB / K / 34 / 20-21

SUPPLY & DELIVERY
OF PANASONIC
DIGITAL MEDIA CARD

Bayaran e-dokumen sebut harga :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 6 Mei 2020 (12.00 Tengah Hari)



JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

TENDER NO. :
RTB / K / 38 / 20-21

PROVISION OF SECURITY
GUARD SERVICES FOR
SECRETARIAT BUILDING,
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
FOR PERIOD OF
TWO (2) YEARS

Bayaran e-dokumen sebut harga :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

TENDER NO. :
RTB / K / 39 / 20-21

CLEANING OF SECRETARIAT
BUILDING RADIO
TELEVISYEN BRUNEI,
FOR PERIOD OF
TWO (2) YEARS

Bayaran e-dokumen sebut harga :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

TENDER NO. :
RTB / K / 40 / 20-21

SOFT LANDSCAPES
MAINTENANCE AND GRASS
CUTTING OF SECRETARIAT
BUILDING, RADIO TELEVISYEN
BRUNEI FOR PERIOD
OF TWO (2) YEARS

Bayaran e-dokumen sebut harga :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 6 Mei 2020
(12.00 Tengah Hari)



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Syarat-Syarat Tawaran :

1. UNISSA / SB0004 / 2020 / 2021 -
KERJA PEMELIHARAAN
MEMOTONG RUMPUT
BAGI UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
SELAMA SATU (1) TAHUN
2. UNISSA / SB0005 / 2020 / 2021 -
MEMBEKAL PERKHIDMATAN
MEMBUANG SAMPAH BAGI
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
SELAMA SATU (1) TAHUN
3. UNISSA / SB0006 / 2020 / 2021 -
CHECKING, GENERAL
SERVICING, REPAIR AND TOP UP
GAS VARIES TYPE OF
AIR-CONDITIONING UNIT AT
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)
FOR ONE (1) YEAR
4. UNISSA / SB0007 / 2020 / 2021 -
CHECKING, GENERAL
SERVICING, REPAIR AND
TOP UP GAS VARIES TYPE OF

AIR-CONDITIONING UNIT FOR
HOSTEL AT UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
FOR ONE (1) YEAR

TARIKH TAWARAN
DIKEMBALIKAN :
TIDAK LEWAT RABU, 6 MEI 2020,
JAM 12.00 TENGAH HARI.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BILANGAN SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / JKS / PPR (K) /
2020-2021

TARIKH TUTUP TAWARAN :
RABU, 20 RAMADAN 1441H /
13 MEI 2020M, TIDAK LEWAT
JAM 12.00 TENGAH HARI

- PERKHIDMATAN PEMOTONGAN
RUMPUT TEMPOH 2 TAHUN
BAGI ZON 'K'
(1. SEKOLAH UGAMA
BUKOK, TEMBURONG
2. SEKOLAH UGAMA PG. MUDA
MOHAMMAD BOLKIAH
& SEKOLAH PERSEDIAAN ARAB,
TEMBURONG
3. SEKOLAH UGAMA
PIASAU-PIASAU, TEMBURONG)

JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TAHUN 1441H / 2020M



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 14/ 2020

TAJUK TAWARAN :
FEASIBILITY STUDY ON ENERGY
EFFICIENCY AT DEFENCE
ACADEMY, KG. TANAH JAMBU
AND LUMUT CAMP

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KE ATAS

KATEGORI :
QUALIFIED ENERGY
MANAGERS OR ACCREDITED
ENERGY SERVICE
COMPANY

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 04/ 2020 (A)

TAJUK TAWARAN :
REMEDIAL WORKS TO
OIL PIPING LINE AND
MECHANICAL SYSTEM AT
POL ALPHA AND ALONG JETTY
ALPHA, ROYAL BRUNEI
NAVAL BASE, MUARA



BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KE ATAS

KATEGORI :
KA01, E01 & M03 OR SPECIALIST
CONTRACTOR WITH EXPERIENCE
IN OIL & GAS INDUSTRY

TARIKH TUTUP :
SELASA, 12 MEI 2020
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP PADA :
5 MEI 2020, SELASA
SEBELUM JAM 2.00 PETANG.

JASTRE / KB / T011 / 2020
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN
LANDSKAP DI KAWASAN-
KAWASAN UTAMA TERMASUK
PUSING KELILING-PUSING
KELILING UTAMA DI KUALA
BELAIT BAGI TEMPOH
DUA (2) TAHUN

NO. PROJEK :
JASTRE / KB / T011 / 2020

KELAS II, III, IV ATAU V



KATEGORI KPB12

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM
KELAS : I - II KATEGORI : -**

Tarikh tutup :
13 Mei 2020 (Rabu)

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1031 / 2020

Tajuk Projek :
RENTAL OF TENTAGE
INCLUDING PLATFORM FOR
FLAG RISING UP AND DOWN
CEREMONY AT YAYASAN
COMPLEX BANDAR SERI
BEGAWAN, BRUNEI
DARUSSALAM, 2020

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1031 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran

DIBUKAKAN KEPADA

**PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM
KELAS : I - II
KATEGORI : E03 SAHAJA**

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1032 / 2020

Tajuk Projek :
RENTAL OF ELECTRICAL
FITTING AND DISTRIBUTION
BOARD FOR HM'S 74TH
BIRTHDAY FLAG RISING
CEREMONY 2020

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1032 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1033 / 2020

Tajuk Projek :
OPERATION WORKS FOR
DECORATIVE LIGHTS ALONG

**AND ACROSS JALAN SULTAN
HAJI OMAR ALI SAIFUDDIEN
FOR HM'S 74TH BIRTHDAY**

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1033 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1034 / 2020

Tajuk Projek :
REPAIR WORKS TO EXISTING
HANGING DECORATIVE LIGHTS
ALONG AND ACROSS
JALAN SULTAN HAJI OMAR
ALI SAIFUDDIEN FOR HM'S
74TH BIRTHDAY

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1034 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : IV & V SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA**

TARIKH TUTUP :
12 MEI 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 004 / 2020

NAMA PROJEK :
PENAMBAHBAIKAN SISTEM
BEKALAN AIR
(PEMBINAAN TANGKI-TANGKI
AIR DAN PENINGKATAN SISTEM
PAM AIR) - TANGKI
SIMPANAN MUKIM LABU /
LAKIUN,
DAERAH TEMBURONG

YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



YURAN E -DOKUMEN : -

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**MAKLUMAN
SUPPLY, DELIVER,
INSTALL, MAINTAIN,
TESTING AND COMMISSION
OF TELEVISION AND
OTHER THINGS DEEMED
NECESSARY TO COMPLETE
THE FOLLOWING WORKS
AT KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
BORANG TAWARAN :**
SABTU, 2 MEI 2020,
JAM 10.00 PAGI



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 09 / 2020

TAJUK TAWARAN :
ONE (1) YEAR TERM
CONTRACT FOR MAINTENANCE
AND REPAIR OF STANDBY
GENERATOR SET, COMPOUND,
STREET, FENCING SECURITY
LIGHTING & HELIPAD /
AVIATION LIGHTING SYSTEM,
WITH MINOR MECHANICAL
& ELECTRICAL WORKS
FOR BERAKAS GARRISON

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00
(tidak dikembalikan)

**KELAS : III & KE ATAS
KATEGORI : E01 dan E02**

TEMPOH PENYIAPAN :
SATU (1) TAHUN

TARIKH TUTUP :
SELASA, 12 MEI 2020,



TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 008 / 2020

TAJUK :
INSTALLATION OF FENCING
AND SIGNAGE TO TANAH
PERKUBURAN ISLAM RINGAN
RINGAN, KAMPUNG PARIT,
MUKIM PENGKALAN BATU,
BRUNEI DARUSSALAM

KELAS : I & II

KATEGORI : B 01 SAHAJA

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

TARIKH TUTUP :

**RABU, 6 MEI 2020
12.00 TENGAH HARI**

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN**

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 004 / 2020

TAJUK TAWARAN :
PROPOSED PANAGA
S/S - SETIA DIRAJA
S/S KUALA BELAIT
(132/66KV) OVERHEAD
TRANSMISSION
LINE, BELAIT

TARIKH TUTUP :
5 MEI 2020 / SELASA
(JAM 2.00 PETANG)

YURAN TAWARAN :



**BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh tutup pada :
19 Mei 2020, Selasa
sebelum jam 2.00 Petang.

JASTRE / KB / T014 / 2020
PERKHIDMATAN
KUTIPAN DAN PEMBUANGAN
SAMPAH DARIPADA PUSAT-
PUSAT PENGUMPULAN
SISA PEPEJAL DI DAERAH
BELAIT BAGI TEMPOH
DUA (2) TAHUN

NO. PROJEK :
JASTRE / KB / T014 / 2020

KELAS III, IV DAN V
KATEGORI S01

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN PERTAHANAN



TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 10 / 2020

TAJUK TAWARAN :
REFURBISHMENT OF MAIN
WATER PIPELINE AND
ASSOCIATED WORK
FOR MUARA CAMP

BAYARAN TAWARAN :
BND100.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : IV & KE ATAS SAHAJA

KATEGORI : KA01 dan KPB15

TEMPOH PENYIAPAN :
DUA BELAS (12) BULAN

TARIKH TUTUP :
SELASA, 12 MEI 2020,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TAWARAN MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR INK
CARTRIDGE AT KOLEJ
UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
(KUPU SB / JKS(26) / 03-04 /
2020-2021)

QUOTATION FOR BOOK
KEEPING SERVICES FOR
TABUNG KOLEJ
UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
(KUPU SB / JKS(26) / 05-04 /
2020-2021)

TARIKH TUTUP :
13 MEI 2020
JAM 12.00 TENGAH HARI



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

KATEGORI KPB12

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh tutup pada :
12 Mei 2020, Selasa
sebelum jam 2.00 Petang.

JASTRE / BTR / T012 / 2020
PEMELIHARAAN LANDSKAP
DAN PENYELENGGARAAN
KEMUDAHAN DI TAMAN
REKREASI PANTAI LUMUT,
BELAIT BAGI TEMPOH
DUA (2) TAHUN

NO. PROJEK :
JASTRE / BTR / T012 / 2020

KELAS II, III & IV



KEMENTERIAN PERTAHANAN

NOTIS PEMBERITAHUAN
JABATANARAH KEWANGAN
DAN
PEROLEHAN KEMENTERIAN
PERTAHANAN

SUKACITA dimaklumkan kepada
penyimpan-penyimpan wang cagaran
tawaran bahawa masih terdapat wang
cagaran yang dibayar pada tahun 2014 dan
2015 belum lagi dituntut.

Penyimpan-penyimpan bolehlah
menghadapkan resit asal berkenaan
ke Bahagian Kewangan, Jabatanarah
Kewangan dan Perolehan, Blok C,
Tingkat 1, Kementerian Pertahanan,
Bolkih Garrison, BB3510, Negara
Brunei Darussalam semasa waktu
bekerja, bagi menuntut balik bayaran
dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh
pemberitahuan ini.

Bayaran balik hanya akan dibuat kepada
mereka yang berhak menerima bayaran
tersebut. Mana-mana wang cagaran yang
masih tidak dituntut selepas tempoh yang
telah ditetapkan akan dimasukkan ke
dalam akaun hasil kerajaan. Sila abaikan
notis ini jika wang cagaran telah dituntut
sebelum ini.

Wang cagaran yang belum dituntut
adalah disenaraikan di bawah ini :

1) TARIKH : 16/12/2014
RESIT : E0008198
NAMA PEMBAYAR :
NURUL SYAZANA BINTI ISMAIL
JUMLAH : BND500.00

2) TARIKH : 30/03/2015
RESIT : E0008457
NAMA PEMBAYAR :
MOHD. ZULFAZLIN BIN HJ. ABU
JUMLAH : BND500.00

3) TARIKH : 05/05/2015
RESIT : E0008616
NAMA PEMBAYAR :
DK. NORADILAH BINTI
PG. HJ. ABD. MALIK
JUMLAH : BND500.00

4) TARIKH : 14/05/2015
RESIT : E0008662
NAMA PEMBAYAR :
MUHD. KHAIRULANWAR BIN
ABDULLAH
JUMLAH : BND500.00

5) TARIKH : 18/08/2015
RESIT : E0008968
NAMA PEMBAYAR :
MOHAMAD ALIUDDIN BIN ALI
OMAR
JUMLAH : BND500.00

6) TARIKH : 22/10/2015
RESIT : E0009181
NAMA PEMBAYAR :
NUR HAFIZAH BINTI AZMIN
JUMLAH : BND500.00

7) TARIKH : 4/11/2015
RESIT : E0009238
NAMA PEMBAYAR :
HAJAH KAMSIYAH BINTI
HAJI AHMAD
JUMLAH : BND500.00



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. TAWARAN :
KHEU / JPI / LTK / 01 / 2020-2021

SELASA, 10 SYAWAL 1441H /
2 JUN 2020M,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

KETERANGAN :
TAWARAN BAGI MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG,
MENGKONFIGURASI, MENGUJI,
MENGTAULIAH DAN
MENDOKUMENTASI
RANGKAIAN SETEMPAT
BAGI JABATAN PENGAJIAN
ISLAM (BLOK 2I & BLOK 2J),
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA
TAHUN 1441H-1442H /
2020M-2021M

BAYARAN YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP TAWARAN :



8) TARIKH : 09/11/2015
RESIT : E0009257
NAMA PEMBAYAR :
HAJI MOHAMMAD AQWA
BIN HAJI OMAR ALI
JUMLAH : BND500.00

10) TARIKH : 30/11/2015
RESIT : E0009337
NAMA PEMBAYAR :
MOHAMMAD ARIF BIN MAHARI
JUMLAH : BND500.00

9) TARIKH : 25/11/2015
RESIT : E0009329
NAMA PEMBAYAR :
MOHAMMAD RIFAIE
BIN HAJI MOHAMMAD NOOR
JUMLAH : BND500.00

11) TARIKH : 17/12/2015
RESIT : E0009370
NAMA PEMBAYAR :
AWG. HJ. ALI BIN HJ. BAHAR
JUMLAH : BND500.00

IMBASAN MINGGUAN

MELIBATKAN diri dalam Kempen Pembersihan merupakan amalan terpuji. - Foto : Muhammad Akmal Haji Ali.

AMALAN penjarakan sosial masih perlu diteruskan dan janganlah leka akan nasihat dari Kementerian Kesihatan. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



PENCERAPAN anak bulan Ramadan bagi penentuan 1 Ramadan 1441 Hijrah. - Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin.



KEGIGHAN mereka yang terlibat dalam Kempen Pembersihan haruslah disanjung. - Foto : Muhammad Akmal Haji Ali.



KEMPEN Pembersihan yang diadakan pada premis pasar, gerai dan tamu adalah usaha murni dalam sama-sama membendung COVID-19. - Foto : Noraisah Haji Muhammed.

Manfaatkan bulan Ramadan dengan khusyuk

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ihsan Muhammad Yussof Haji Abd. Majid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 April. - Bulan Ramadan merupakan kesempatan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya agar lebih kuat dalam melaksanakan amal soleh dan juga terhindar daripada perkara-perkara maksiat.

Menurut Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid semasa ditemui bual berkata, Ramadan memiliki beberapa kelebihan.

Antaranya ialah pertama, Syaitan dibelenggu; Pintu-pintu neraka ditutup; dan Pintu-pintu syurga dibuka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Apabila Ramadan tiba, pintu syurga dibuka, pintu neraka ditutup dan syaitan pun dibelenggu." (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Kedua tambahnya, terdapat malam yang penuh kemuliaan dan keberkahan, di mana dalam bulan Ramadan terdapat satu malam yang nilainya lebih baik daripada 1,000 bulan. Bahkan mereka yang menghidupkan malam tersebut dengan penuh rasa iman dan mengharapkan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala, maka mereka diampunkan seluruh dosa yang lalu.

Manakala ketiga katanya lagi, doa orang yang berpuasa itu mustajab. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Tiga orang yang doanya tidak tertolak, iaitu orang yang berpuasa sampai ia berbuka, pemimpin yang adil, dan doa orang yang dizalimi." (Hadis Riwayat At-Tirmidzi)

Menurutnya lagi, kita perlu menghayati bulan Ramadan dengan menjaga ketekunan akan hukum-hakam dan adab yang terkait dengannya. Dari segi

bahasa, puasa (As-siyam) dalam bahasa Arab bermaksud menahan diri. Manakala daripada segi istilah pula, puasa (As-siyam) ialah menahan diri daripada hal-hal yang membatalkannya sejak terbit fajar sampai terbenam matahari dengan disertai niat.

Dalam hal itu jelasnya lagi, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda, "Betapa banyak orang yang berpuasa, namun dia tidak mendapatkan dari puasanya tersebut kecuali rasa lapar dan dahaga." (Hadis Riwayat At-Tabrani)

Manakala dalam hadis yang lain Baginda juga bersabda, "Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta, malah mengamalkannya, maka Allah tidak memerlukan daripada rasa lapar dan haus yang dia tahan." (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

"Maka daripada hal ini, kita mengambil pengajaran bahawasanya berpuasa itu bukan sekadar menahan diri daripada rasa lapar dan dahaga, tetapi semestinya juga menahan segala

hal yang boleh merosakkan puasa tersebut seperti berkata sesuatu yang buruk, melakukan aktiviti yang sia-sia, apatah lagi melakukan maksiat. Jika adab berpuasa ini tidak dijaga dengan baik, maka puasa kita berkemungkinan hanya mendapatkan kesia-siaan," ujarnya.

Beliau juga menasihatkan bahawa hendaklah setiap daripada kita sentiasa bertawakal dan memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam melaksanakan setiap amal soleh.

"Manusia adalah makhluk yang lemah dan mudah merasa bosan, oleh sebab itu, kita memerlukan taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar diberikan kekuatan dan keringanan dalam melaksanakan setiap ibadah dengan istiqamah dan ikhlas kerana-Nya," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya berkata, dalam sembahyang kita sentiasa memohon pertolongan ini dengan menyebutkan,



PEGAWAI Tugas-tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid.

"Hanya Engkau sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan." (Surah Al-Fatihah, ayat 5)

Akhirnya, beliau juga memohon doa agar Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberikan taufik dan bimbingan pada kita semua dan mendapatkan ganjaran yang berlipat ganda dalam Ramadan kali ini.

Perubahan waktu operasi sepanjang Ramadan

Siaran Akhbar :
Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 April. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa waktu beroperasi Perkhidmatan-perkhidmatan Kaunter JPD sepanjang bulan Ramadan 1441 Hijrah / 2020 Masihi adalah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari kelepasan awam), dan waktu beroperasi bagi semua

Cawangan JPD adalah mulai 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Sementara itu, mulai Isnin, 27 April 2020, orang ramai yang ingin berurusan di Ibu Pejabat JPD, Gadong, khususnya untuk Membarui Lesen Kenderaan (Vehicle License - VL), Tukar Milik, Pinjaman (Loan) Bank atau Kerajaan atau Membatalkan Tuntutan Pinjaman (Cease), kini sudah boleh membuat tempahan awal slot tarikh dan masa untuk datang ke Kaunter JPD melalui

Aplikasi mudah alih QueUp.

Orang ramai bolehlah muat turun aplikasi mudah alih QueUp daripada Apple App Store atau Google Play, seterusnya mengikut arahan tatacara membuat tempahan slot di dalam aplikasi tersebut.

Mulai Isnin, 27 April 2020, Ibu Pejabat JPD juga akan memberikan perkhidmatan 'Bulk' bagi Permohonan-permohonan Membarui Lesen Memandu (Driving License - DL) dan VL

Manakala, Permohonan Membarui Lesen Memandu (Driving License - DL) dan VL

melalui perkhidmatan Talian Darussalam (TD)123, di mana kemudiannya membayar dan mengambil permohonan yang telah siap di Cawangan-cawangan JPD berkenaan adalah masih diteruskan.

Sebagai alternatif kepada kaedah di atas, khususnya bagi membuat

Permohonan Membarui DL dan VL, orang ramai adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan dalam talian (*online*) melalui www.gov.bn.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi TD123 semasa waktu pejabat atau e-mel ke info_ltd@jpd.gov.bn.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Rebutlah Ganjaran Menyemarakkan Ramadan'. Tarikh Tutup : 29 April 2020
- 'Utamakan Membaca Al-Quran Setiap Hari'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2020
- 'Badan Sihat, Minda Cerdas'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2020

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PERKHIDMATAN KAUNTER URUSNIAGA & BUNGKUSAN		
BIL	PEJABAT POS	
1.	Pusat Memproses Mel (MPC)	Isnin - Khamis & Sabtu: 8:00 am - 12:30 tengah hari
2.	Tutong	
3.	Kuala Belait	
4.	Muara	
5.	Gadong	
6.	Seri Kompleks	
7.	Sengkuring	
8.	Pejabat Besar Pos BSB	
9.	Seria	
10.	Lapangan Terbang Antarabangsa	
11.	Bangar	
12.	Bunut	
13.	Salambigar	Isnin - Khamis & Sabtu: 8:00 am - 12:30 tengah hari
14.	Anggerek Desa	
15.	Limau Manis	
16.	Lumapas	
17.	Lamunin	
18.	Telisai	
19.	Lumut	
20.	Rimba	
21.	Premium	
22.	Labi	Selasa Sahaja 08:00 am - 10:00 am

LENSA Pelajar

Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna



Pupuk tanggungjawab sivik, sosial kalangan pelajar

Oleh : Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir
Foto : Ihsan Nuramalina Mahali

SEBAGAI sebuah negara yang berpegang dengan falsafah Melayu Islam Beraja, tidak hairanlah masyarakat di dalamnya hidup bersatu padu dan harmoni dalam sama-sama bertanggungjawab dan menjaga kemaslahatan hidup bernegara. Apabila masyarakat mendengar dan melihat keadaan hidup seseorang berada dalam kesusahan dan memerlukan bantuan, maka secepat mungkin bantuan akan dihulurkan tidak kira dari segi wang ringgit, mahupun tenaga. Bantuan terdiri daripada pihak kerajaan, persatuan-persatuan tertentu, orang perseorangan dan tidak ketinggalan pihak swasta. Perkara ini menunjukkan masyarakat Brunei hidup tidak *camah mata* apabila mendengar kesusahan yang dialami orang sekelilingnya.

Pelbagai aktiviti mahupun bantuan yang disalurkan dan pernah diadakan sebelum ini oleh pihak tertentu, antaranya menjual barang-barang dan hasilnya didermakan kepada orang-orang yang memerlukan, menderma makanan asasi dan barang keperluan, membersihkan kawasan rumah orang-orang yang susah, mendekati kanak-kanak kurang upaya supaya emosi kanak-kanak tersebut menjadi gembira apabila berjumpa orang yang baru dikenali dan sebagainya. Dengan segala pendedahan yang dilaksanakan oleh pihak-pihak tertentu, secara tidak langsung para pelajar mampu memupuk diri mereka sifat bertanggungjawab dengan hal-hal yang berlaku di sekitar mereka.

Ruang Lensa Pelajar kali ini ke Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Kampung Sungai Akar yang mengadakan Projek H.O.P.E. bermaksud 'Helping Others to Pursue Empathy' atau membantu orang lain untuk mengejar empati.

Empati adalah salah satu kemahiran hidup yang penting, memahami sesama sendiri, menimbulkan rasa harmoni dan meningkatkan harapan.

Projek H.O.P.E. adalah satu projek

Community Outreach bertujuan untuk mendedahkan pelajar Tahun 10 Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna kepada keperluan sosial dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam, menanam idea dalam fikiran mereka untuk membantu dan memperoleh pengalaman kerja. Projek ini adalah projek tahunan sekolah yang bermula sejak tahun 2018.

Projek H.O.P.E. dikendalikan oleh Bahagian Kaunseling dan Kerjaya Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan diketuai oleh Ketua Kerjaya sekolah, Dayang Nuramalina binti Mahali yang dibantu oleh guru-guru kerjaya, Dayang Rabiatul Adawiyah binti Haji Mohamad dan Dayangku Nur Alyssa Syahirah binti Pengiran Alias.

Majlis Pembukaan Projek H.O.P.E. untuk tahun 2020 telah diadakan pada Sabtu, 12 Rejab 1441H bersamaan dengan 7 Mac 2020M di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna yang dilancarkan oleh tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais. Ini adalah kali ketiga projek ini telah dilaksanakan di sekolah ini.

Antara jemputan yang hadir juga pada majlis tersebut adalah Pengarah JASTRe, Ketua Bahagian Perancangan dan Pengurusan Alam Sekitar, wakil dari Unit Kaunseling dan Kerjaya Jabatan Sekolah-Sekolah, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan ibu bapa atau penjaga pelajar-pelajar Tahun 10.

Wakil-wakil dari persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan juga hadir dan membuat pameran untuk memberi maklumat kepada jemputan yang hadir, termasuk pelajar-pelajar Tahun 10 pada pagi itu. Persatuan-persatuan yang hadir adalah SMARTER Brunei, Persatuan KESAN, WeCare, Volunteer and First Aid Supporter Team (V-FAST), Brunei Darussalam AIDS Council (BDAC),

Brunei Darussalam Taekwondo Association dan Pat A Lifestyle.

Aktiviti Projek H.O.P.E yang pernah dilaksanakan sebelum ini :

- Majlis Pelancaran Projek H.O.P.E pada tahun 2018.

- Mesyuarat Bersama Persatuan Bukan Kerajaan (NGOs) yang diadakan setiap tahun sejak 2018.

- Penglibatan pelajar-pelajar dalam aktiviti amal / acara yang dianjurkan oleh NGOs seperti menjadi ahli sukarelawan semasa Swimming Championships, Beach Cleaning Campaign dengan Beach Bunch, menjadi ahli sukarelawan semasa Edu Run Cycle, melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan Dapur Ramadan, Green Exchange Project bersama Persatuan Society for Community Outreach and Training (SCOTs), Tree Planting bersama Green Brunei, menjadi ahli sukarelawan sebagai pembantu guru mengajar Science through Islam bersama PAZ Tarbiyyah dan Belia Masjid Ash-Shaliheen, melibatkan diri dalam aktiviti SMARTER Brunei, menjadi ahli sukarelawan dalam aktiviti Jualan Amal bersama Projek Bina Ukhwah semasa Bandarku Ceria, Eco Race bersama Green Brunei, Clean Up Kampong Ayer dan Sungai Kebun bersama Green Brunei, Biodiversity Conservation bersama BruWILD dan menjadi ahli sukarelawan semasa Brunei Open Taekwondo Championship.

Selain itu juga mengadakan kongsi sama oleh pelajar-pelajar terbaik (Top 5) dalam Projek H.O.P.E diadakan setiap tahun sebelum Majlis Penutup Projek H.O.P.E iaitu pelajar Top 5 menyampaikan pembentangan tentang aktiviti, penglibatan dan pengalaman mereka kepada semua yang hadir, kongsi sama dengan NGOs mengenai penglibatan para pelajar dengan aktiviti atau acara yang dibuat oleh NGOs, kongsi sama dengan semua pelajar Tahun 10 mengenai Projek H.O.P.E mengikut kelas dan Majlis Pembukaan Projek H.O.P.E bagi Tahun 2020 iaitu kali ketiga projek ini dijalankan.

Kejayaan yang telah dicapai sepanjang kerja amal ini dijalankan ialah para pelajar menjadi lebih aktif untuk melibatkan diri pada tahun 2018 seramai 40 pelajar Tahun 10 mengikuti Projek H.O.P.E (30.3 peratus) dan pada tahun 2019 ada peningkatan dalam keramaian pelajar yang mengikuti

projek ini iaitu 51 pelajar Tahun 10 (33.6 peratus). Jumlah waktu / jam bagi penglibatan para pelajar sepanjang projek ini dijalankan pada tahun 2018 adalah sebanyak 1,625 jam 18 minit, manakala pada tahun 2019, sebanyak 2,289 jam 32 minit, para pelajar juga memperoleh pengalaman bekerja di luar sekolah. Para pelajar memperoleh kesedaran dan merasai empati terhadap golongan autisme, yang mana ini telah disampaikan oleh para pelajar semasa menceritakan tentang pengalaman mereka dengan SMARTER Brunei. Pelajar boleh menyesuaikan diri dalam mana-mana situasi kerja dan pekerjaan yang diberi, pelajar menjadi lebih peramah iaitu tidak takut untuk bertanya dan memulakan perbualan, terutama sekali dengan orang yang lebih tua / *senior* dan pelajar memperoleh kualiti kepimpinan semasa mengerjakan kerja amal.

Objektif projek ini ialah untuk melibatkan diri pelajar dalam perkhidmatan komuniti dengan menyediakan peluang kepada pelajar untuk menjadi ahli komuniti yang aktif, meningkatkan pengalaman para pelajar serta membenarkan mereka memperoleh kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan, agar para pelajar lebih mengetahui hala tuju mereka pada masa akan datang untuk bekerja dalam bidang tertentu yang mereka gemari dan para pelajar boleh juga memperoleh kemahiran dan pengetahuan hidup. Projek ini juga ingin membantu para pelajar membangunkan tanggungjawab sivik dan sosial, juga ingin membantu para pelajar menjadi lebih menyedari tentang keperluan masyarakat.

Sejak bermulanya projek ini pada tahun 2018, ada lebih daripada 10 buah persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan yang telah ikut serta dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti sukarelawan yang diikuti oleh para pelajar Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna seperti SMARTER Brunei, V-FAST, BDAC, Green Brunei, Projek Bina Ukhwah dan SCOTs.

Pada tahun ini, semua pelajar Tahun 10 Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna akan menyertai projek ini yang akan dijalankan dari bulan Mac hingga September 2020. Para pelajar juga digalakkan untuk membuat sekurang-sekurangnya satu aktiviti komuniti atau kerja amal di sekolah sepanjang projek ini berlangsung.

Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini seperti mana yang telah dirancang awal kerana untuk menjaga kemaslahatan semua pihak untuk tidak berkumpul dan membuat sebarang aktiviti di mana-mana pun berada sejak penularan COVID-19 di negara kita.



Keunikan menyambut Ramadan tahun ini

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Azmah Haji Ahad

DALAM keadaan pandemik COVID-19 yang melanda dunia, umat Islam kali ini mengalami sedikit kelainan dalam menyambut Ramadan. Penularan COVID-19 memberikan impak berbahaya kepada dunia. Rasanya belum ada virus paling berbahaya seperti COVID-19 yang melumpuhkan banyak negara terutama aspek ekonomi.

Masyarakat dunia ketika ini disaran untuk meningkatkan kewaspadaan dan langkah berjaga-jaga, terutama sekali penjarakan sosial atau fizikal dan kebersihan diri. Atas sebab ini, beberapa tempat awam ditutup demi menjaga kemaslahatan umum, tidak terkecuali masjid-masjid. Amal ibadat yang lazimnya dilaksanakan di masjid-masjid bersama para jemaah yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, kini tidak dapat dilaksanakan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan pada 20 April 2020 berkata, penutupan sementara selama seminggu lagi ini adalah termasuk hari-hari pertama bulan Ramadan yang mana masjid, surau dan balai-balai ibadat lazimnya akan menganjurkan Sembahyang Sunat

Tarawih Berjemaah dan bertadarus membaca Al-Quran. Perkara ini adalah sangat signifikan pada menyemarakkan malam-malam Ramadan dengan amal ibadat dan kebajikan.

Walaupun penutupan masjid, surau dan balai ibadat masih lagi diteruskan hingga ke hari ini, 27 April 2020, namun tidak menghalang umat Islam daripada melakukan amal ibadat seperti Solat Tarawih, Witir dan Tadarus kerana ia masih boleh dilakukan di rumah bersama keluarga dengan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Perkara ini turut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama yang mana walau bagaimanapun ujananya, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) memutuskan supaya orang ramai mengadakannya di rumah masing-masing dalam kalangan keluarga sahaja yang mana dalam hubungan ini, orang ramai hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan iaitu 'Guidelines on Mass Gatherings, Social Events, Meetings or Training Sessions' yang bertarikh pada 18 April 2020.

Menahan Diri

Puasa itu bermaksud menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa seperti makan dan minum. Selain itu, panca indera dan seluruh badan juga

hendaklah dipelihara daripada melakukan segala bentuk dosa.

Memandangkan Kementerian Kesihatan menyarankan untuk berada di rumah jika tiada urusan penting di luar, maka kita hendaklah mengambil positif akan hikmah di sebalik wabak ini berlaku. Inilah masanya untuk kita mengeratkan hubungan kekeluargaan di samping dapat memelihara ibadat puasa dengan lebih baik lagi.

Berada di rumah boleh menahan anggota badan daripada perbuatan maksiat, hati dan fikiran orang yang puasa untuk selalu fokus dan memikirkan hal-hal kemuliaan kerana Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata.

Selain itu, kita juga boleh membuat pelbagai aktiviti sepanjang berada di rumah dan hendaklah kreatif mempelbagaikannya.

Dengan kecanggihan teknologi pada masa ini, kita sebaiknya memanfaatkannya seperti belajar Al-Quran dan Tadarus secara dalam talian. Selain itu, kita juga boleh mendalami ilmu agama secara dalam talian melalui sumber-sumber yang dipercayai dan mendapat kelulusan dan pengiktirafan. Malah terdapat juga platform dari bank-bank tempatan yang mana sedekah juga boleh disampaikan melalui *online transfer*.

Kelaziman untuk berada di bazar-bazar Ramadan juga tiada pada tahun ini. Namun, pembelian boleh sahaja dilakukan secara dalam talian yang mana membuktikan ia bukanlah halangan bagi para peniaga untuk mengaut rezeki. Bagi pihak pelanggan pula, rancanglah pembelian secara berhemah agar tiada pembaziran.

Pembayaran Zakat

Selain ibadat puasa, menunaikan zakat adalah ibadat yang dituntut kewajibannya pada setiap Muslim. Dari segi pembayaran

zakat pula, penerimaan Zakat Fitrah dan Zakat Harta akan mengambil tempat di ruang legar masjid atau beranda masjid, manakala dewan sembahyang tidak akan digunakan untuk penerimaan bayaran zakat tersebut.

Bagi masjid yang tiada kawasan berkenaan, maka penerimaan akan mengambil tempat di luar kawasan masjid dengan didirikan kem-kem yang bersesuaian.

Oleh itu, orang ramai adalah disaran untuk tidak membuat bayaran zakat pada saat-saat akhir demi mengelakkan kesesakan, malah penjarakan sosial atau fizikal mestilah dipraktikkan, khususnya semasa membuat pembayaran zakat.

Selain itu, pemeriksaan suhu badan juga akan dijalankan sebelum ke tempat ruang pembayaran, termasuk penyediaan *hand sanitizer*.

Seperti lazimnya, kadar bayaran Zakat Fitrah yang wajib dikeluarkan pada tahun ini bagi seorang adalah sebanyak BND1.93 bagi Beras Siam, sementara BND2.84 bagi Beras Wangi bersamaan dengan nilai beras sebanyak 2.268kg.

Keadaan sekarang sememangnya sangat tidak mengizinkan untuk kita melakukan rutin seperti lazimnya pada bulan puasa. Kita perlu menyedari bahawa masih ada kekhawatiran mengenai bahaya jangkitan COVID-19. Kita mesti menamai tanggungjawab terhadap masyarakat terutama dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19. Lebih baik kita mengambil dari sudut positif, semarakkan rumah masing-masing dengan membanyakkan amal ibadat dan terus berdoa agar wabak ini akan segera berakhir.



Rindu beribadah di rumah Allah



AWANG Muhd. Nurazibullah bin Arrif semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 April. - Berikutan penularan wabak COVID-19,

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat di seluruh negara ditutup sementara.

Sembahyang Sunat Tarawih yang lazimnya diadakan selepas Sembahyang Fardu Isyak pada bulan Ramadan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, kini diadakan di rumah-rumah persendirian sahaja.

Awang Muhd. Nurazibullah bin Arrif semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan, beliau dan keluarga kini melaksanakan Sembahyang Sunat Tarawih di rumah mereka, di RPN Meragang, diimamkan oleh beliau sendiri.

"Alhamdulillah, sungguhpun masjid-masjid dan surau-surau ditutup, kita di Negara Brunei Darussalam masih lagi mampu dan

sihat untuk beribadah dalam keadaan aman dan tenteram.

Perbezaan dalam melaksanakan ibadah tersebut, kini saya sendiri menjadi imam, serba sedikit memberikan saya kesedaran akan rindunya kami beribadah di dalam rumah Allah," jelasnya.

Dengan melakukan ibadah tersebut di rumah sendiri, beliau kini sedikit sebanyak lebih peka akan bacaan yang perlu dihafal dalam Sembahyang Sunat Tarawih.

Awang Muhd. Nurazibullah seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam dibebaskan daripada wabak jangkitan COVID-19 supaya keadaan kembali seperti sediakala.

Sekatan jalan raya terus dipertingkatkan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

SUNGAI LIANG, Ahad, 26 April. - Berikutan dengan cuti kelepasan awam bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan, Balai Polis Sungai Liang, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan operasi sekatan dalam mempertingkatkan dan menguatkuasakan undang-undang jalan raya.

Sekatan yang diadakan pada 25 April 2020 itu dijalankan di kawasan berdekatan Masjid Zainab, Kampung Lumut yang diketuai oleh Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Sungai Liang, Inspektor Mohd. Nazmi bin Haji Ismail yang melibatkan seramai lapan orang anggota balai.

Sebanyak 14 buah kenderaan dijalankan pemeriksaan dan mendapati dua orang pemandu dikenakan kompaun atas kesalahan cukai jalan mansuh dan kesalahan kenderaan yang tidak bersesuaian dari segi struktur digunakan bagi tujuan lain.

PPDB juga ingin menasihatkan kepada orang ramai agar tidak memandu jika dalam keadaan mengantuk serta hendaklah sentiasa melakukan pemeriksaan dan memastikan kenderaan mereka selamat untuk dipandu.

Jangan pentingkan diri sendiri, tanamkan sikap bertolak ansur dan bertimbang rasa serta sentiasa bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan diri serta orang lain semasa memandu.

Bersahur terselit keberkatan penuh pahala

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 April. - Bersahur merupakan amalan sunnah yang dituntut dalam Islam setiap kali tibanya bulan Ramadan.

Umat Islam di negara ini umumnya akan bangun untuk bersahur bagi memasak makanan atau memanaskan sahaja makanan yang dimasak lebih awal sebelum dihidangkan kepada ahli keluarga yang berpuasa.

Walaupun bagaimanapun, terdapat segelintir individu yang tidak mahu bangun untuk bersahur dan hanya membaca doa niat berpuasa pada waktu malam sahaja sebelum tidur bagi memenuhi syarat sah puasa.

Bersahur memang tidak diwajibkan, namun ia sangat digalakkan dalam Islam walaupun hanya dengan memakan sebiji tamar dan meneguk segelas air bagi mengambil keberkatan berpuasa.

Anjuran ini ditegaskan dalam Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, "Bersahurlah, sesungguhnya pada sahur itu ada keberkatan." (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Umat Islam yang berpuasa turut digalakkan untuk melewati waktu bersahur, di mana dengan berbuat demikian, ia memberi kesempatan bagi kita untuk terus menunaikan Solat Subuh apabila azan berkumandang.

Selain itu, antara manfaat bangun untuk bersahur ialah dapat membantu memberi kita tenaga pada siang hari untuk melaksanakan aktiviti harian dan ibadah puasa dengan penuh keimanan dan kesempurnaan.

Malahan ibadah pada bulan Ramadan tidak hanya terbatas kepada amalan berpuasa dan solat wajib lima waktu sahaja, tetapi juga dengan menambah amalan ibadah yang lain termasuk solat sunat dan zikir, selain memperbanyakkan sedekah bagi menyucikan rohani dan memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Peluang ini perlulah diambil oleh umat Islam bagi meraih ganjaran yang sangat besar pada bulan Ramadan yang penuh berkat ini.



REBUT peluang bersahur kerana di dalamnya terdapat keberkatan walau dengan seteguk air.

Latih anak-anak tunaikan ibadah puasa

MENTIRI, Sabtu, 25 April. - Ramadan merupakan bulan yang penuh berkah dan tidak hanya menambah amal ibadah, tetapi pada bulan ini juga merupakan saat yang tepat untuk mengajarkan anak-anak mengenai kebaikan dan keutamaan agama.

Berpuasa bagi anak-anak adalah latihan sebelum menjalani puasa yang sebenarnya. Anak-anak mungkin juga akan memaksakan dirinya berpuasa walaupun dia begitu kuat. Mengajar anak-anak berpuasa untuk kali pertama memang amat susah, tetapi sebagai orang tua, sebaiknya tidak memaksa untuk berpuasa di usia yang masih kecil.

Dengan kedatangan bulan Ramadan yang penuh berkat ini, wakil Pelita Brunei menemui bual Awangku Muhd. 'Izz Imtiyaz bin Pengiran Muhd. Fakhrrin yang berumur sembilan tahun menjelaskan, berpuasa pada hari ini amat bersyukur, walaupun sepanjang puasa terasa lapar dan penat.

Menurutnya, setiap bulan Ramadan, beliau akan menghabiskan masa untuk belajar agar tidak terasa lapar sementara semasa sahur dan akan mengambil makanan yang berprotein dan beberapa biji kurma.

"Saya cuma dapat bertahan separuh hari sahaja berpuasa semasa usia enam tahun dan sekarang berpuasa tidak ada masalah. Kalau dulu sebelum sungkai, saya dan keluarga akan membeli barang-barang makanan untuk berbuka tetapi tahun ini amat berbeza sekali," jelasnya.

Jika pada tahun lepas, beliau mencuba berpuasa penuh tetapi belum kesampaian kerana belum kuat untuk berpuasa penuh, namun ibu bapa beliau memberikan semangat dan dorongan untuk mencuba berpuasa dan insyaaAllah tahun ini, beliau akan



AWANGKU Muhd. 'Izz Imtiyaz bin Pengiran Muhd. Fakhrrin.



DAYANG Dalilah Faqehah binti Mohd. Zul Izzi.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

berusaha berpuasa sebulan.

Manakala bagi Aisy Nur Delaila binti Mohd. Samsul Bahar yang berumur lapan tahun, dia amat teruja berpuasa tahun ini walaupun banyak perbezaannya dari segi suasana Ramadan kerana Negara Brunei Darussalam sedang menghadapi ujian COVID-19.

Menurutnya, setiap tahun akan ia akan berpuasa atas dorongan ibu bapanya dan akan berazam untuk berpuasa penuh pada tahun ini dan setiap sahur pula perlu bersemangat untuk bangun dan akan menikmati juadah yang banyak protein agar dapat bertahan melawan rasa lapar.

Kebiasaan tahun-tahun lepas sebelum berbuka puasa, beliau serta keluarga akan membeli juadah-juadah di gerai Ramadan,

tetapi pada tahun ini, beliau dan keluarga akan memasak sendiri.

Sementara bagi Dalilah Faqehah binti Mohd. Zul Izzi, berumur 10 tahun berasa bersyukur dapat berpuasa pada tahun atas dorongan kedua ibu bapanya yang memberikan semangat untuk menunaikan ibadah puasa.

Menurutnya, setiap tahun beliau akan mencuba berpuasa penuh atas dorongan dan semangat yang diberikan oleh ibu bapa beliau yang sentiasa memberikan motivasi dan memberikan nasihat tentang ganjaran yang lebih besar semasa berpuasa.

Dengan menghidangkan menu kegemaran beliau ketika berbuka dan sahur amat mendorong beliau supaya akan lebih semangat untuk berpuasa seterusnya.

Tiada bukti antibodi COVID-19 lindung dijangkiti kali kedua: WHO



GENEVA, 26 April. - Setakat ini tiada bukti menunjukkan orang yang sudah pulih daripada COVID-19 dan mempunyai antibodi, dilindungi untuk dijangkiti kali kedua, kata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Sabtu, lapor agensi berita Xinhua.

Walaupun banyak kajian menunjukkan orang telah sembuh ada antibodi terhadap COVID-19, juga dikenali SARS-CoV-2, WHO mengatakan sebilangan mereka ini

mempunyai tahap antibodi peneutral dalam darah yang sangat rendah.

"Pada 24 April 2020, tiada kajian yang menilai kehadiran antibodi terhadap SARS-CoV-2 boleh jadikan manusia kebal untuk dijangkiti lagi dengan virus ini," tegas WHO.

Ada beberapa negara mengatakan antibodi itu sebagai 'pasport kekebalan' atau 'sijil bebas risiko', membolehkan individu melakukan perjalanan atau

kembali bekerja, dengan andaian mereka terlindung untuk dijangkiti semula.

WHO memberi amaran 'penggunaan sijil itu boleh menjurus kepada peningkatan risiko penularan yang berterusan'.

Ujian makmal yang mengesan antibodi SARS-CoV-2 terhadap manusia, termasuk ujian imunodiagnosis pantas, perlu pengesahan yang lebih lanjut bagi menentukan ketepatan dan kebolehpercayaan. - ©BERNAMA

COVID-19 : Jumlah kes di Singapura melepasi 13,000 orang

SINGAPURA, 26 April. - Kementerian Kesihatan (MOH) Singapura hari ini melaporkan 931 kes baharu jangkitan COVID-19, menjadikan jumlahnya 13,624 kes.

Dalam satu kenyataan di sini, MOH memaklumkan peningkatan itu disumbangkan oleh majoriti kes melibatkan pekerja asing yang ditempatkan di asrama pekerja manakala hanya 15 kes melibatkan rakyat Singapura atau Penduduk Tetap.

Daripada jumlah semalam iaitu 12,693 kes, Singapura mengklasifikasi 10,525 kes dari asrama pekerja asing atau kira-kira tiga peratus daripada jumlah kira-kira 323,000 pekerja asing yang ditempatkan di asrama pekerja.

Kementerian berkenaan memaklumkan ia masih mengkaji butiran kes berkenaan dan

perkembangan terbaharu mengenainya akan diumumkan kemudian hari ini.

Setakat tengah hari semalam, Singapura mencatatkan 618 kes baharu jangkitan COVID-19, dengan kira-kira 96 peratus adalah penghuni asrama manakala 12 lagi pemegang permit kerja yang tinggal di luar asrama.

Tiada kes import dilaporkan manakala hanya sembilan kes dalam komuniti pada Sabtu.

Dalam kenyataan terperinci yang dikeluarkan lewat malam tadi, MOH menyatakan ia mengesan banyak lagi kes susulan ujian yang meluas.

"Kebanyakan kes berkenaan melibatkan sakit ringan dan menerima pengawasan dalam fasiliti pengasingan komuniti atau wad umum di hospital. Tiada seorang pun daripada mereka menerima rawatan di unit rawatan

rapi," menurutnya.

MOH menyatakan daripada 618 kes baharu semalam, 81 peratus dikaitkan dengan kluster yang diketahui manakala yang lain masih menunggu pengesanan kontak.

Pada minggu lepas (18-24 April), kementerian mengesan pertalian bagi 1,226 kes yang sebelum ini dalam kes tidak dikaitkan.

Sementara itu, seramai 1,002 kes telah sembuh sepenuhnya dan dibenar pulang dari hospital atau fasiliti pengasingan komuniti, 24 dalam keadaan kritikal di unit rawatan rapi manakala 12 meninggal dunia.

Singapura mengenal pasti tujuh kluster baharu pada Sabtu, iaitu ASPRI Westlite Papan; Kian Teck Hostel; SCM Tuas Lodge; Northpoint City; 21, Defu South Street 1; 8, Martin Place; dan 107, West Coast Vale.

Kluster terbesar di Singapura ialah S11 Dormitory @ Punggol yang setakat ini mempunyai 2,268 kes disahkan positif COVID-19.

Daripada jumlah pada Sabtu, Singapura juga mengklasifikasi 1,135 sebagai kes komuniti, 569 kes import, dan 464 kes melibatkan pemegang permit kerja yang tidak mendiami asrama. - ©BERNAMA

"KEBANYAKAN kes berkenaan melibatkan sakit ringan dan menerima pengawasan dalam fasiliti pengasingan komuniti atau wad umum di hospital. Tiada seorang pun daripada mereka menerima rawatan di unit rawatan rapi," menurutnya. MOH menyatakan daripada 618 kes baharu semalam, 81 peratus dikaitkan dengan kluster yang diketahui manakala yang lain masih menunggu pengesanan kontak.

Sifar pesakit COVID-19 di Hospital Wuhan

BEIJING, 26 April. - Jumlah pesakit COVID-19 yang dimasukkan ke hospital di Wuhan, China, wilayah paling teruk dilanda wabak itu, menurun kepada sifar, kata seorang pegawai kesihatan pada Ahad lapor agensi berita Xinhua.

Kejayaan itu hasil usaha keras pekerja perubatan di Wuhan dan mereka yang dihantar untuk membantu memerangi virus maut itu, kata jurucakap Suruhanjaya Kesihatan China Mi Feng pada sidang media di Beijing. - ©BERNAMA

PM Britain, Boris Johnson dijangka kembali bertugas pada Isnin

LONDON, 26 April. - Perdana Menteri Britain Boris Johnson dijangka kembali bertugas pada Isnin dan beliau dikatakan sudah "tidak sabar untuk beraksi", lapor media pada Ahad memetik sumber kerajaan.

"Beliau tidak sabar untuk mula bekerja dan akan kembali pada Isnin," memetik Sky News Sunday, lapor agensi berita Sputnik.

Johnson akan bertemu Setiausaha Kesihatan Matt Hancock dan dijadual mempengerusikan taklimat harian mengenai COVID-19 pada Isnin.

Namun, spekulasi masih berlegar sama ada Johnson akan menghadiri sidang Dewan Rakyat pada Rabu. Sebaik memulakan tugasnya nanti, Johnson dijangka bergelut dengan isu sama ada akan

melonggarkan sekatan memandangkan jangkitan dan kemasukan ke hospital menunjukkan penurunan.

Beliau disahkan dijangkiti COVID-19 pada akhir Mac dan dimasukkan ke Hospital St Thomas pada 5 April, sebelum dipindahkan ke unit rawatan rapi pada hari berikutnya. - ©BERNAMA

Naluri hati jadi kenyataan, bumbung rumah diterbangkan ribut



IPOH 26 April. - Penduduk Mohd Afifi Zulkifli, 35, mendukung anaknya Nur Farisha Aara Insyrah Mohd Afifi, tiga bulan melihat keadaan rumahnya yang rosak selepas dilanda ribut selepas hujan lebat pada 6 petang semalam di Rancangan Perumahan Tersusun (RPT) Chepor Dalam, Ipoh ketika tinjauan hari ini. Kira-kira 362 buah rumah rosak dilanda ribut membabitkan kawasan di sekitar Kampung Seri Klebang, RPT Chepor Dalam, Taman Klebang Jaya dan Taman Bertuah. - ©BERNAMA

IPOH, 26 April. - Naluri hati seorang ibu tunggal yang berasaskan seolah-olah perkara buruk akan berlaku benar-benar menjadi kenyataan dan bagaikan mimpi buruk apabila sebahagian bumbung rumahnya di Rancangan Perumahan Tersusun (RPT) Chepor Dalam di sini diterbangkan angin dalam kejadian ribut petir petang semalam.

Nor Hasneza Mohd Razali, 39, berkata dalam kejadian kira-kira pukul 6.00 petang itu, beliau sempat melaungkan azan kerana ketakutan, namun tidak dapat menyelamatkan barangan rumah.

"Saya tak sempat menyelamatkan perabot serta barangan elektrik yang kebanyakannya sekarang sudah rosak," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Nor Hasneza yang tidak bekerja dan mempunyai empat anak berusia 11 hingga 19 tahun merupakan antara dua keluarga yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Surau Al Hidayah RPT Chepor sebelum dipindahkan ke sebuah inap desa petang ini.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Mohd Afifi Zulkifli, 35, hanya sempat menyelamatkan bapa mentua yang merupakan orang kurang upaya (OKU) serta empat anak keluar dari rumah apabila melihat kesemua bumbung rumah diterbangkan angin dalam kejadian ribut itu yang berlaku terlalu pantas.

Mohd Afifi berkata semasa kejadian dia bersama anak-anaknya dan bapa mentuanya, Mohamad Nawawi Abidin, 64, berehat di ruang tamu manakala isterinya Norashimah Mohamad Nawawi, 32, sedang menyiapkan juadah berbuka puasa di dapur.

"Tidak sempat selamatkan perabot dan barangan elektrik kerana pada masa itu saya hanya fikirkan keselamatan keluarga saya sahaja. Kejadian berlaku sangat pantas, kira-kira 10 minit. Saya perlu melakukan pendawaian elektrik baharu," katanya yang bekerja sebagai kontraktor pembersihan.

Dalam pada itu, Pegawai Daerah Kinta Halizah Sipun berkata sebanyak 362 rumah di Mukim Ulu Kinta terjejas akibat ribut petir semalam melibatkan Taman Klebang Jaya (120); Kampung Sri Klebang (91 rumah); RPT Chepor Dalam (86) dan Taman Bertuah (65).

"Daripada jumlah itu hanya ada dua rumah melibatkan dua keluarga berpindah dan mereka ditempatkan sementara di inap desa," katanya ketika dihubungi.

Halizah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah berkata Pejabat Daerah dan Tanah Kinta akan menguruskan bantuan Wang Ihsan Bencana kepada penduduk terlibat setelah memperoleh semua dokumen yang diperlukan.

Sementara itu, semakan di laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia mendapati ribut petir, hujan lebat dan angin kencang dijangka berlaku di Perak petang ini.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam serta laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil. - ©BERNAMA

Raih ganjaran Ramadan dengan bersedekah



ePaper Pelita Brunei

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 April. - Agama Islam adalah agama yang mementingkan hubungan yang baik, khususnya dalam kalangan umatnya, justeru menjadikan umat Islam sebagai umat yang kuat dan bersatu padu.

Umat Islam dalam pada itu diseru untuk hidup saling bantu-membantu dan tolong-menolong kerana dengan cara demikian akan dapat menimbulkan perasaan saling hormat-menghormati dan sayang-menyayangi tanpa mengira keluarga, kaum kerabat, rakan, jiran mahupun orang yang tidak dikenali. Salah satu cara untuk melaksanakan konsep tolong-menolong atau bantu-membantu ialah dengan amalan bersedekah.

Bersedekah sama ada dengan wang ringgit atau lainnya merupakan amalan mulia yang memberi keuntungan kepada orang yang mengeluarkannya dan orang yang menerimanya. Orang yang bersedekah mendapat balasan pahala, sementara bagi orang yang menerimanya pula dapat menggunakan sedekah tersebut bagi memenuhi keperluan hidupnya. Apatah lagi amalan tersebut dilakukan di bulan Ramadan yang banyak terdapat ganjaran pahala di dalamnya.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Muslimah, Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri mengunjungi 22 buah keluarga dari kalangan fakir miskin dan berkeperluan untuk menyumbangkan derma dan barangan asasi.

Hadir selaku ketua rombongan dan menyampaikan sumbangan derma dan barangan asasi tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Antara tujuan sumbangan derma dan barangan asasi ini diadakan adalah salah satu inisiatif Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah, Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri dalam membantu meringankan bebanan fakir miskin dan yang berkeperluan.

Walaupun masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat ditutup sementara waktu pada masa ini bagi mengelakkan penularan jangkitan wabak COVID-19, Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah, Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri masih bergiat aktif dalam memedulikan orang yang berkeperluan dan sekali gus menjaga kemaslahatan masyarakat dengan mewujudkan hubungan silaturrahim dan ukhuwah sesama umat Islam dan memperkuatkan lagi perpaduan sejagat.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (tiga, kanan) menyampaikan sumbangan kepada Awang Haji Aziz bin Haji Mohd. Hassan.

Jangan lakukan pendawaian tanpa pengesahan!

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 April. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Cawangan Operasi 'C', Daerah Brunei dan Muara menerima panggilan kecemasan berkaitan kebakaran sebuah rumah yang berlaku di Simpang 510, Jalan Kebangsaan Lama pada 25 April 2020, kelmarin.

JBP mengerahkan seramai 16 anggota bomba dari Balai Bomba Berakas dan Balai Bomba Unit Operasi Wanita untuk ke lokasi kejadian dengan menggunakan tiga buah jentera.

Gerakan kecemasan tersebut diketuai oleh Pemangku Pegawai Balai, Mohammad Firdaus bin Yusoff dan turut dihadiri oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Lim Hock Guan, Timbalan Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'C', SFR Haji Mustapa bin Haji Mohamad, Stesen Komander Balai Bomba Berakas, ASFR Mushidee bin Junaidi, Ketua Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang dan Penyiasatan Keselamatan Kebakaran, ASO Sulaimi bin Abdullah Awi dan ABKS 279 Soetrisno bin Shahminan.

Gerakan kecemasan tersebut turut melibatkan agensi lain iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang diketuai oleh Sgt. 5027 Nasrul Hadi bin Haji Tuah berserta tiga orang anggota polis yang lain. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang diketuai oleh Zaidi bin Salleh berserta dengan dua orang kakitangan.

Sebaik sahaja sampai ke lokasi kejadian, pihak JBP mendapati api besar membakar



ANGGOTA Jabatan Bomba dan Penyelamat semasa operasi pemadaman api sebuah rumah jenis banglo yang berlaku di Simpang 510, Jalan Kebangsaan Lama pada 25 April 2020.

sebahagian stor belakang rumah, di mana kebakaran dipercayai bermula iaitu dari unit no.6 'D'.

Rumah tersebut jenis banglo yang mempunyai tiga unit. Diperbuat keseluruhannya daripada konkrit dan beratapkan spandik berukuran lima meter panjang. Rumah tersebut kepunyaan warganegara Brunei dan disewakan kepada warga asing.

Pihak JBP berjaya mengawal api dalam masa lima minit dengan bertindak memadamkannya dengan mengeluarkan enam batang hos dan menggunakan *control dividing breaching*. Air diperoleh daripada pili-pili bomba yang berdekatan.

Punca api dipercayai daripada kepanasan yang berlebihan di bahagian pendawaian penyambungan mudah alih yang digunakan untuk lampu LED. Jumlah anggaran kerugian mengikut unit pintu yang terlibat ialah Unit 6 'C' sebanyak BND250, iaitu kerosakan disebabkan kerosakan air. Manakala unit 6 'D' sebanyak BND3,500, iaitu kerosakan disebabkan kebakaran dan unit 6 'E' sebanyak BND3,000, iaitu disebabkan kerosakan kebakaran api dan kerosakan air. JBP turut melaporkan tidak ada kemalangan jiwa yang berlaku.

Sehubungan itu, pihak JBP menyarankan kepada orang ramai untuk menggunakan peralatan elektrik secara berhemah, jangan

membuat penyambungan atau pendawaian tanpa pengesahan daripada pihak berkuasa ataupun yang berlesen, memastikan pendawaian dalam keadaan baik dan teratur.

Selain itu, pihak JBP turut menyarankan untuk sentiasa mematikan bekalan elektrik yang tidak digunakan, pastikan mempunyai alat pemadam api dan selimut api di rumah bagi tindakan awal sebelum api menjadi besar dan merebak dan akhir sekali, memastikan untuk menghubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dengan secepatnya jika berlaku sebarang insiden kecemasan dan pastikan untuk memberi maklumat yang betul.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSATU PADU MENJALANKAN PERANAN MEMELIHARA BUMI TERUTAMA ALAM SEKITAR

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam